

Kemajuan negara bergantung pada rakyat: PM

PETALING JAYA, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kemewahan dan kemajuan yang dicapai sejak negara merdeka 26 tahun lalu terletak pada keupayaan rakyat untuk menghadapi dan mengatasi cabaran baru.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata sempena pelancaran "Bulan Daya Pengeluaran Kebangsaan" malam tadi.

Kata Perdana Menteri: "Selama 26 tahun merdeka kita telah menikmati kemewahan dan kemajuan. Tetapi, sama ada kemewahan ini akan berterusan bergantung pada keupayaan kita untuk menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran baru."

Beliau menisfatkan pelancaran kempen daya pengeluaran ini sebagai "kena pada masanya".

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerana keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak seimbang, perubahan tanggapan dan perjuangan untuk terus hidup adalah antara cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi sekarang.

"Kita tidak boleh menganggap kemewahan dan kemajuan yang dicapai sebagai satu penyelesaian yang tersedia dan akan berterusan," tambahnya.

"Ekonomi antarabangsa yang tidak stabil tidak mengizinkan kita untuk terus bergantung pada eksport barangan utama. Kita terpaksa bersaing dengan industri negara-negara membangun dan negara-negara maju untuk pasaran yang sama.

"Oleh itu, kita mesti mengembang dan me-

majukan keupayaan pengeluaran industri kita ke taraf antarabangsa," kata Perdana Menteri lagi.

Perdana Menteri berkata, untuk mencapai matlamat itu, kerjasama dan penyertaan pengurus, pekerja, pendidik serta generasi muda perlu wujud.

Katanya, mereka juga perlu mengubah sikap dan pemikiran agar sesuai dengan kehendak itu.

Bagi pihak pengurusan, beliau menerangkan bahawa keistimewaan bagi mereka bermakna tanggungjawab untuk mengurus sumber tenaga manusia dan bahan dengan betul dan cekap.

"Kewibawaan dan keutuhan mereka sebagai pemimpin dan pembuat keputusan akan dapat dilihat menerusi kepemimpinan melalui teladan," tegasnya.